



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 15 TAHUN 2002

**BAYARAN INSENTIF SUBJEK PENDIDIKAN
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
BIDANG SAINS, MATEMATIK DAN BAHASA INGGERIS**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan kerajaan mengenai Bayaran Insentif Subjek Pendidikan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dalam skim-skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma di Kementerian Pendidikan yang mengajar subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dan mengajar subjek Bahasa Inggeris atau menggunakan kelayakan dalam bidang tersebut dalam tugas rasmi mereka.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan mengakui pentingnya peranan bahasa Inggeris dalam usaha merebut peluang-peluang ekonomi, ilmu pengetahuan dan perhubungan antarabangsa. Melalui penguasaan yang baik dalam bahasa Inggeris membolehkan seseorang itu mendapat akses

kepada maklumat terkini. Di samping itu, kerajaan juga mengakui peri mustahaknya subjek Sains dan Matematik sebagai subjek teras dalam bidang sains dan teknologi. Bidang ini juga merupakan asas penting kepada kemajuan dan pembangunan negara. Sehubungan itu, kerajaan seterusnya bersetuju supaya Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Kementerian Pendidikan yang mengajar subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dan mengajar subjek Bahasa Inggeris diberi Bayaran Insentif Subjek Pendidikan. Dengan pendekatan ini, kerajaan berharap lebih ramai calon yang mempunyai kelayakan dalam bidang sains, matematik dan bahasa Inggeris akan menceburi bidang Pendidikan dengan memasuki perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Langkah ini juga diyakini boleh mengekalkan anggota yang sedia ada dalam subjek-subjek berkenaan terus berkhidmat dalam perkhidmatan Pendidikan.

KELAYAKAN BAYARAN INSENTIF SUBJEK PENDIDIKAN

3. Pemberian Bayaran Insentif Subjek Pendidikan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Kementerian Pendidikan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan. Syarat-syarat ini meliputi dua aspek iaitu kelayakan subjek dan kelayakan anggota terlibat.

Kelayakan Subjek

4. Dari aspek subjek, adalah ditetapkan bahawa anggota yang mengajar subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dan mengajar subjek Bahasa Inggeris boleh dipertimbang menikmati faedah ini. Komponen subjek Sains dan Matematik adalah merangkumi semua subjek Sains Tulen, Teknikal dan Teknologi Maklumat. Sehubungan itu, pemberian Bayaran Insentif Subjek Pendidikan bagi pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik mengikut peringkat persekolahan seperti berikut:

4.1 Pendidikan Rendah iaitu subjek Sains dan Matematik;

- 4.2 Pendidikan Menengah iaitu subjek Sains, Matematik, Fizik, Kimia, Biologi, Sains Tambahan, Matematik Tambahan dan Teknologi Maklumat;
- 4.3 Pendidikan Lepas Menengah (Tingkatan 6) iaitu subjek Fizik, Kimia, Biologi, Matematik dan Pengkomputeran;
- 4.4 Program Matrikulasi iaitu subjek Biologi, Fizik, Kimia, Matematik dan Sains Informatik; dan
- 4.5 Program Politeknik iaitu subjek Teknologi Maklumat, Teknologi Petroleum, Teknologi Makanan dan Reka Bentuk.

Kelayakan Anggota

5. Dari aspek anggota, adalah ditetapkan bahawa Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Kementerian Pendidikan yang mengajar subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dan mengajar subjek Bahasa Inggeris seperti kumpulan-kumpulan berikut layak dipertimbang untuk Bayaran Insentif Subjek Pendidikan:

5.1. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang mempunyai opsyen subjek Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris dan mengajar subjek tersebut serta memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. sekolah rendah : sekurang-kurangnya mengajar 20 waktu seminggu.
- b. sekolah menengah : sekurang-kurangnya mengajar 15 waktu seminggu.

- c. mencapai penguasaan bahasa Inggeris pada tahap yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan kecuali bagi anggota yang mempunyai opsyen Bahasa Inggeris.

5.2. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang tidak mempunyai opsyen subjek Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris tetapi mengajar subjek tersebut dan memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. telah mengajar subjek Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris sekurang-kurangnya tiga (3) tahun secara berterusan;
- b. mencapai penguasaan bahasa Inggeris pada tahap yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan; dan
- c. memenuhi syarat seperti di perenggan 5.1 (a) dan (b) di atas.

5.3. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang mengajar di maktab perguruan, politeknik, kolej matrikulasi dan kolej komuniti dan memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. mempunyai opsyen subjek Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris dan mengajar subjek tersebut; atau
- b. menggunakan kelayakan dalam bidang tersebut dalam tugas rasmi; dan
- c. mencapai penguasaan bahasa Inggeris pada tahap yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan kecuali bagi anggota yang mempunyai opsyen Bahasa Inggeris.

5.4. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang menyandang jawatan Pengetua Sekolah Menengah dan Guru Besar Sekolah Rendah dan memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. mempunyai opsyen subjek Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris dan mengajar subjek tersebut sekurang-kurangnya 6 waktu seminggu; dan
- b. mencapai penguasaan bahasa Inggeris pada tahap yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan kecuali bagi anggota yang mempunyai opsyen Bahasa Inggeris.

5.5. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang menyandang jawatan Penolong Kanan dan Penyelia Petang di sekolah menengah dan sekolah rendah dan memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. mempunyai opsyen subjek Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris dan mengajar subjek tersebut sekurang-kurangnya 6 waktu seminggu; dan
- b. mencapai penguasaan bahasa Inggeris pada tahap yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan kecuali bagi anggota yang mempunyai opsyen Bahasa Inggeris.

5.6. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di bahagian-bahagian Kementerian Pendidikan yang menggunakan kelayakan tersebut dalam tugas rasmi mereka dan memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. mempunyai opsyen subjek Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris;

- b. mencapai penguasaan bahasa Inggeris pada tahap yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan kecuali bagi anggota yang mempunyai opsyen Bahasa Inggeris.

5.7. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah yang menggunakan kelayakan tersebut dalam tugas rasmi mereka dan memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. mempunyai opsyen subjek Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris;
- b. mencapai penguasaan bahasa Inggeris pada tahap yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan kecuali bagi anggota yang mempunyai opsyen Bahasa Inggeris.

KADAR DAN KRITERIA PEMBAYARAN

6. Kadar Bayaran Insentif Subjek Pendidikan yang ditetapkan untuk Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Kementerian Pendidikan yang mengajar subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dan mengajar subjek Bahasa Inggeris adalah seperti berikut:

- 6.1 5% daripada gaji pokok bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah;
dan
- 6.2 10% daripada gaji pokok bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas
Diploma.

7. Semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Kementerian Pendidikan yang dilantik secara tetap/sementara/kontrak (termasuk pegawai bertaraf kontrak dari luar negara) layak dibayar insentif ini setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di perenggan 4 dan 5 di atas.

8. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Kementerian Pendidikan hanya layak mendapat satu bayaran sahaja sama ada bagi pengajaran subjek Sains, Matematik atau Bahasa Inggeris.


9. Anggota yang telah memenuhi semua syarat yang dinyatakan akan terus layak menerima Bayaran Insentif Subjek Pendidikan kecuali dalam keadaan-keadaan berikut:

| Kedadaan | Kenyataan |
|--|---|
| a. Bercuti tanpa gaji (termasuk cuti belajar tanpa gaji). | Bayaran dihentikan bagi tempoh cuti tanpa gaji. |
| b. Bercuti separuh gaji (termasuk cuti belajar separuh gaji). | Bayaran dihentikan bagi tempoh cuti separuh gaji. |
| c. Berkursus dengan bergaji penuh melebihi 3 bulan. | Bayaran dihentikan bagi tempoh cuti tersebut. |
| d. Bercuti rehat melebihi 28 hari berturut-turut. | Bayaran dihentikan bagi tempoh cuti tersebut. |
| e. Cuti haji, cuti bersalin dan cuti sakit yang melebihi 28 hari berturut-turut. | Bayaran dihentikan bagi tempoh cuti tersebut. |
| f. Anggota gred DG54 dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional yang memegang jawatan Gred Utama. | Bayaran dihentikan bagi tempoh pemangkuan. |

TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HJ. AHMAD DAMANHURI)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

28 Disember 2002

s.k

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan